



UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

ASSESSMENT 1

KAJIAN ILMIAH (APC 3053)

NUR AZREENA BINTI NOR AZHAR

D20202095973

PENSYARAH :

DR. FARA DAYANA BINTI MOHD JUFRY

ANALISIS WATAK DAN PERWATAKAN SERI
RAMA DAN SITI DEWI DALAM WAYANG
KULIT MELAYU TRADISIONAL
KELANTAN

NUR AZREENA BINTI NOR AZHAR

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022

**ANALISIS WATAK DAN PERWATAKAN SERI RAMA DAN SITI DEWI
DALAM WAYANG KULIT MELAYU TRADISIONAL KELANTAN**

NUR AZREENA BINTI NOR AZHAR

 05-4506832  **PENULISAN KAJIAN ILMIAH DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
KEPERLUAN KURSUS KAJIAN ILMIAH APC 3053**  ptbupsi

**JABATAN SENI PERSEMBAHAN
FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2022

NUR AZREENA BINTI NOR AZHAR

IJAZAH SARJANA MUDA SENI PERSEMBAHAN TEATER DENGAN
KEPUJIAN

JABATAN SENI PERSEMBAHAN
FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 25 Januari 2023.

i. Perakuan pelajar :

Saya, **Nur Azreena Binti Nor Azhar** bernombor matrik **D20202095973** dari **Fakulti Muzik Dan Seni Persembahan** dengan ini mengaku bahawa Penulisan Kajian Ilmiah yang bertajuk **Analisis Watak Dan Perwatakan Seri Rama dan Siti Dewi dalam Wayang Kulit Melayu Tradisional Kelantan** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya. Saya dengan ini turut mengakui bahawa hasil penulisan ini terikat dengan Peraturan Akademik, Jabatan Seni Persembahan, Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

AZREENA AZHAR

Tandatangan pelajar

ii. Disemak oleh :

Tandatangan : _____
Nama Penyelia : _____
Tarikh : _____

iii. Disahkan oleh :

Tandatangan : _____
Nama Penyelaras : _____
Tarikh : _____



PENGHARGAAN

Assalamualaikum wbt, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur ke hadrat ilahi kerana di atas limpah dan kurniaNya, maka dapatlah saya menyiapkan tesis ini dengan jayanya walaupun telah menempuhi pelbagai dugaan dan rintangan. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Fara Dayana Mohd Jufry, yang merupakan penyelia bagi tesis yang saya sediakan untuk memenuhi Ijazah Sarjana Muda Seni Persembahan (Teater). Terima kasih kepada beliau di atas kesabaran, sokongan, nasihat dan bimbingan yang diberikan banyak membantu kepada kejayaan dalam penghasilan tesis ini. Segala bantuan, semangat, strategi dan kebijaksanaan beliau telah banyak mengajar saya untuk mengkaji dengan baik. Tidak dilupakan kepada barisan pensyarah di Fakulti Muzik dan Seni Persembahan Universiti Pendidikan Sultan Idris yang sudi berkongsi pengalaman sepanjang tempoh kajian ini.

Tidak ketinggalan ribuan terima kasih saya kepada informan saya iaitu Kumpulan Wayang Kulit Melayu Tradisional Kelantan Pak Dain yang banyak memberi info untuk saya menjayakan sebuah tesis yang cukup bermakna ini. Di samping itu, terima kasih juga kepada Dr. Fara Dayana yang juga merupakan informan kedua saya di dalam teis ini. Tanpa bantuan mereka tidak mampu saya hasilkan sebuah tesis ini dengan baik. Terima kasih juga kepada pihak institusi kajian, Fakulti Muzik dan Seni Persembahan Universiti Pendidikan Sultan Idris kerana telah memberi sokongan penuh dalam kerja lapangan dan mendapatkan data.

Terdapat banyak kekangan serta cabaran dalam proses untuk menghasilkan tesis ini akan tetapi berkat doa kedua ibu bapa saya iaitu Encik Nor Azhar Lukman dan Puan Natrah Mohd Ali dengan izin Allah S.W.T dapat juga saya sempurnakan kajian ilmiah ini. Saya amat berterima kasih kepada ibu bapa saya yang banyak mendorong saya untuk menyiapkan kajian ini dengan baik. Tanpa dorongan dan semangat mereka tidak mungkin saya dapat sampai ke tahap ini. Tidak dilupakan juga kepada para sahabat saya yang membantu dalam menjayakan tesis ini. Segala perasaan bercampur baur sepanjang tempoh menghasilkan kajian ini.

Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan dan bantuan dalam menyiapkan tesis ini. Sesungguhnya yang baik itu datang dari Yang Maha Esa dan yang buruk itu datang dari diri saya sendiri



ABSTRAK

Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk merungkai watak dan perwatakan karakter pasangan suami isteri di dalam Wayang Kulit Melayu Tradisional Kelantan iaitu Seri Rama dan Siti Dewi. Selain itu, maksud bentuk, ukiran dan warna yang terdapat pada gambalan Seri Rama dan Siti Dewi dihuraikan. Watak Seri Rama dan Siti Dewi merupakan watak utama di dalam repertoire Wayang Kulit Melayu Tradisional Kelantan. Wayang Kulit Melayu Tradisional Kelantan merupakan sebuah persembahan seni warisan tradisional wayang kulit yang telah bertapak di negeri Kelantan dari zaman dahulu. Di Malaysia, repertoire Hikayat Mahraja Wana versi Wayang Kulit Melayu Tradisional Kelantan digunakan dalam persembahan dan rujukan manakala di India menggunakan repertoire Ramayana versi Valmiki dalam persembahan. Terdapat beberapa perbezaan di antara Hikayat Mahraja Wana versi Wayang Kulit Melayu Tradisional Kelantan dengan Ramayana versi Valmiki. Salah satunya adalah dari sudut bentuk, warna dan ukiran gambalan itu sendiri. Di dalam kajian ini, kaedah kajian kualitatif diaplikasikan untuk mengumpul data serta info bagi menyelesaikan permasalahan di dalam kajian. Teori Psikoanalisis digunakan bagi merungkai watak dan perwatakan Seri Rama dan Siti Dewi. Watak dan perwatakan mereka diklasifikasikan mengikut tiga aspek di dalam Teori Psikoanalisis iaitu Id, Ego dan SuperEgo. Oleh itu, hasil daripada pengaplikasian Teori Psikoanalisis di dalam kajian, perwatakan dua karakter tersebut dapat dikelaskan dengan terperinci. Tuntasnya, kajian ini telah memberi implikasi kepada para pengkaji untuk lebih mendalami watak dan perwatakan karakter di dalam Wayang Kulit Melayu Tradisional Kelantan.

CHARACTER AND CHARACTERISTICS ANALYSIS OF SERI RAMA AND SITI DEWI IN WAYANG KULIT MELAYU TRADISIONAL KELANTAN

ABSTRACT

This study was carried out with the aim of dissecting the characters and characters of the husband and wife in the Traditional Malay Wayang Kulit of Kelantan, namely Seri Rama and Siti Dewi. In addition, the meaning of the shape, carving and color found on the gambalan of Seri Rama and Siti Dewi is explained. The characters of Seri Rama and Siti Dewi are the main characters in the repertoire of Traditional Malay Wayang Kulit of Kelantan. Traditional Malay Wayang Kulit of Kelantan is a performance of the traditional heritage art of wayang kulit that has been established in the state of Kelantan since ancient times. In Malaysia, the repertoire of the Hikayat Mahraja Wana version of the Kelantan traditional Malay puppet show is used in performances and references while in India the repertoire of Valmiki's version of the Ramayana is used in the performances. There are some differences between the Hikayat Mahraja Wana's version of the Kelantan Traditional Malay Wayang Kulit and Valmiki's version of the Ramayana. One of them is from the point of view of the shape, color and carving of the gambal itself. In this study, qualitative research methods were applied to collect data and information to solve the problems in the study. Psychoanalytic theory is used to unravel the characters and characters of Seri Rama and Siti Dewi. Their character and character are classified according to three aspects in Psychoanalytic Theory, namely Id, Ego and SuperEgo. Therefore, as a result of the application of Psychoanalytic Theory in the study, the character of the two characters can be classified in detail. In conclusion, this study has given implications to the researchers to deepen the character and characterization of the characters in the Traditional Malay Wayang Kulit of Kelantan.

KANDUNGAN

	Muka Surat
PERAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar belakang kajian	5
1.3 Permasalahan kajian	6
1.4 Objektif kajian	7
1.5 Persoalan kajian	7
1.6 Batasan kajian	8
1.7 Kepentingan kajian	9
1.8 Kerangka teori	10
BAB 2 TINJAUAN LITERATUR	15
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pengenalan	23
3.2 Reka bentuk kajian	23
3.3 Populasi dan sampel kajian	28
3.4 Instrumen kajian	29

3.5 Prosedur pengumpulan data	29
-------------------------------	----

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan	30
-----------------	----

4.2 Temu bual	30
---------------	----

4.3 Analisis bagi menjelaskan maksud maksud bentuk, ukiran dan warna yang terdapat pada gambalan Seri Rama dan Siti Dewi.	31
---	----

4.3.1 Seri Rama	32
-----------------	----

4.3.2 Siti Dewi	34
-----------------	----

4.4 Analisis berdasarkan Teori Psikoanalisis	36
--	----

4.4.1 Seri Rama : Id	36
----------------------	----

4.4.2 Seri Rama : Ego	37
-----------------------	----

4.4.3 Seri Rama : Superego	37
----------------------------	----

4.4.4 Siti Dewi : Id	38
----------------------	----

4.4.5 Siti Dewi : Ego	38
-----------------------	----

4.4.6 Siti Dewi : Superego	39
----------------------------	----

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan	40
-----------------	----

5.2 Kesimpulan	40
----------------	----

5.3 Cadangan	42
--------------	----

5.4 Penutup	43
-------------	----

RUJUKAN	44
----------------	----

TRANSKRIPSI	46
--------------------	----

LAMPIRAN	55
-----------------	----

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Wayang Kulit atau permainan bayang merupakan satu bentuk persembahan tertua dalam penceritaan wayang gambar (Ghulam Sarwar, 1997) . Cahaya dan bayang - bayang merupakan konsep kepada persembahan ‘ Permainan bayang’ ini. Mengikut buku yang telah diterbitkan oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2003, teater boneka bayangan ini mendahului dari sudut bahasa visualnya kerana ia menyampaikan jalan ceritanya kepada penonton melalui bahasa visual. Bahasa visual bermaksud imej perwakilan yang serupa dengan objek asal dan cara menterjemahkannya. Persembahan Wayang Kulit ini telah tersebar di sesetengah negara seperti di negara Indonesia, Thailand, China, dan India. Walaupun konsep persembahan wayang kulit adalah sama di setiap negara akan tetapi jalan cerita atau repertoire, loghat dan alunan serta alat muzik adalah berbeza.

Terdapat beberapa kajian yang menyatakan maklumat penting tentang bagaimana bentuk awal wayang kulit mungkin telah digunakan dalam upacara keagamaan sebagai cara untuk orang hidup berkomunikasi dengan dunia roh. Ia juga digunakan oleh paderi dan sami untuk menyampaikan cerita agama dan mitos kepada penduduk yang tidak tahu membaca. Malah dini hari, beberapa



bentuk lama wayang kulit agama ini telah bertahan di selatan Asia, terutamanya di India dan di Indonesia. Di sana, wayang kulit mempersembahkan adegan dari epik keagamaan yang hebat seperti Mahabarata dan Ramayana. Gambalan yang digunakan di dalam persembahan tersebut berbentuk manusia atau haiwan yang rata dilekatkan pada kayu nipis. Gambalan adalah patung karakter wayang kulit. Dalang memainkan gambal untuk menyampaikan jalan cerita dengan menggerakkannya di hadapan cahaya untuk membuat bayang-bayang pada kelir. Hasil daripada penelitian, setiap pergerakan watak gambal menentukan bahasa badannya sendiri dan mempunyai ciri-ciri yang berbeza.

Di Malaysia, wayang kulit merupakan satu bentuk teater boneka tradisional. Namun begitu, kurang tindakan yang dilakukan untuk mengekalkan warisan budaya ini. Terdapat empat jenis wayang kulit di Malaysia iaitu Wayang Kulit Melayu, Wayang Kulit Purwa, Wayang Kulit Gedek dan Wayang Kulit Melayu Tradisional Kelantan. Seperti yang telah dinyatakan, setiap jenis wayang kulit mempunyai sedikit perbezaan dan keunikan tersendiri. Sama juga pada jenis - jenis wayang kulit di Malaysia. Wayang Kulit Melayu atau wayang jawa pada asalnya dahulu dimainkan di sekitar kawasan Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Pada zaman dahulu, wayang ini sering dimainkan dalam kalangan pembesar serta raja - raja kerana ia dinaungi oleh raja - raja melayu. Seterusnya, wayang kulit yang paling tersohor di negeri Johor iaitu Wayang Kulit Purwa. Wayang Kulit Purwa atau Purwo ini menggunakan bahasa melayu indonesia sebagai dialek dalam persembahannya. Ini adalah kerana asal usul wayang kulit ini yang berasal daripada Tanah Jawa dan dibawa masuk ke Tanah Melayu dahulu.

Seterusnya ialah Wayang Kulit Gedek atau lebih dikenali sebagai Wayang Gedek. Wayang ini banyak dimainkan di bahagian negeri utara seperti Kedah dan Perlis. Unsur - unsur dari wayang kulit di Siam dapat dilihat di dalam wayang kulit ini melalui gambalnya dan juga alunan muzik. Ia dipercayai pengaruh dari Siam dibawa masuk ke negeri bahagian utara ini. Pemain wayang kulit gedek biasanya adalah dari orang tempatan dan juga siam. Dan yang terakhir adalah Wayang Kulit Melayu Tradisional Kelantan. Ia merupakan wayang paling terkenal di negeri Kelantan. Wayang Kulit Melayu Tradisional



Kelantan atau Wayang Kulit Siam dimainkan menggunakan loghat Kelantan di dalam persembahannya. Menurut Ghulam Sarwar (1997), Wayang Kulit Melayu Tradisional Kelantan mendapat perhatian serta paling banyak yang mengekalkan warisan serta tradisinya. Ia juga masih bergerak aktif di kawasan pedalaman negeri Kelantan.

1.1 Latar Belakang Kajian

Wayang Kulit Melayu Tradisional Kelantan telah dipilih untuk menjadi topik utama dalam sepanjang tempoh kajian. Beberapa isu telah timbul dan ia mencetuskan niat pengkaji untuk mengkaji dan menyelesaikan isu tersebut. Dalam konteks Wayang Kulit, prinsip utamanya adalah cahaya dan bayang. Selain itu, elemen penting yang perlu ada di dalam persembahan wayang kulit merupakan gambal wayang kulit itu sendiri. Setiap gambal wayang kulit mempunyai ciri-ciri dan watak perwatakan yang berbeza. Seperti di dalam Wayang Kulit Melayu Tradisional Kelantan, mempunyai dua karakter utama sepasang suami isteri iaitu Seri Rama dan Siti Dewi.

Seri Rama dan Siti Dewi merupakan dua karakter yang unggul di dalam Wayang Kulit Melayu Tradisional Kelantan. Mereka berdua inilah merupakan sehebat-hebat karakter di dalam dunia mereka sendiri. Gambal Seri Rama dan Siti Dewi mempunyai perilaku yang sangat baik dan menjadi teladan kepada karakter gambal yang lain mahupun dalam dunia nyata sendiri. Watak dan perwatakan Seri Rama dan Siti Dewi dirungkai satu persatu berdasarkan teori yang digunakan semasa tempoh kajian. Di samping itu, pengkaji juga mengkaji tentang beberapa aspek yang lain pada gambal iaitu ciri-ciri bentuk, warna serta ukirannya. Terciptanya sesebuah gambal adalah berdasarkan jalan cerita wayang kulit itu sendiri. Mengikut cerita utama dalam Wayang Kulit Melayu Tradisional Kelantan iaitu Hikayat Seri Rama, di situ telah dinyatakan beberapa maklumat tentang kejadian sesuatu gambal tersebut. Akan tetapi ia tidak dihuraikan dengan jelas dan maklumat yang disampaikan berbentuk makna tersirat. Oleh itu, pengkaji menganalisis beberapa maklumat bagi menghuraikan segala isu permasalahan kajian.

1.2 Permasalahan kajian

Watak dan perwatakan setiap gambal wayang kulit adalah berbeza. Ciri - ciri sesebuah gambal wayang kulit itu direka dan ditentukan berdasarkan perwatakkannya dalam sesebuah jalan cerita tersebut. Reka bentuk serta visualnya juga tidak sama antara satu sama lain. Walaupun ia merupakan gambal dalam sebuah jenis wayang kulit yang sama, namun ia mempunyai perbezaan dari pelbagai aspek. Setiap gambal mempunyai keistimewaan dan keunikan tersendiri. Nilai estetika sesebuah gambal itu juga adalah berbeza.

Menurut daripada hasil pembacaan literatur, watak dan perwatakan dua gambal penting di dalam persembahan Wayang Kulit Melayu Tradisional Kelantan iaitu Seri Rama dan Siti Dewi ini tidak dinyatakan dengan terperinci. Ia hanya dinyatakan secara umum tanpa mengetahui sebab musabab perwatakan Seri Rama dan Siti Dewi terbentuk. Melihat daripada sudut visual dua karakter gambal tersebut sudah terlihat jelas perbezaan dari segi bentuk, warna serta ukirannya. Setiap ukiran yang terdapat di gambalanitu mempunyai makna serta nilai estetikanya tersendiri. Akan tetapi ia tidak dinyatakan dengan jelas. Hal ini telah menimbulkan persoalan kepada setiap yang menonton persembahan serta pengkaji tentang wayang kulit. Setiap gambal yang tercipta mempunyai tujuan di dalam persembahan. Ia juga bertujuan untuk menyokong gambal - gambal yang lain.

Melihat dari aspek perwatakan Seri Rama dan Siti Dewi ini, kekurangan penjelasan serta faktor - faktor teretusnya perwatakan mereka amat jelas sekali. Melalui kajian ini segala aspek dari segi perwatakan Seri Rama dan Siti Dewi dapat dirungkai dan dianalisis. Maklumat dari sumber - sumber yang sah akan digunakan dalam proses menganalisis perwatakan mereka. Setiap gambal mempunyai maksud serta sebab mengapa ia diwarnakan dengan warna tersebut namun tidak dinyatakan dengan jelas hal tersebut. Selain itu, bentuk serta rupa gambalan juga hanya dinyatakan secara tidak terperinci. Hal ini telah



menimbulkan permasalahan sepanjang proses pembacaan literatur. Isu - isu ini akan dikaji dan dianalisis sepanjang tempoh kajian.

1.3 Objektif Kajian

Antara objektif yang hendak dicapai dalam kajian adalah :

- i. Merungkai watak dan perwatakan karakter gambalan pasangan suami isteri di dalam Wayang Kulit Melayu Tradisional Kelantan iaitu Seri Rama dan Siti Dewi.
- ii. Menghuraikan maksud bentuk, ukiran dan warna yang terdapat pada gambalan Seri Rama dan Siti Dewi.

1.4 Persoalan Kajian

Terdapat dua persoalan dalam kajian yang akan dihuraikan, iaitu :-

- i. Bagaimanakah watak dan perwatakan pasangan suami isteri di dalam Wayang Kulit Melayu Tradisional Kelantan iaitu Seri Rama dan Siti Dewi ?
- ii. Apakah maksud bentuk, ukiran dan warna yang terdapat pada gambalan Seri Rama dan Siti Dewi ?



1.5 Batasan Kajian

Sepanjang tempoh kajian ini dijalankan, hanya dua watak sahaja yang dikaji iaitu watak Seri Rama dan Siti Dewi. Kajian dilakukan untuk merungkai watak dan perwatakan Seri Rama dan Siti Dewi sahaja. Satu - satunya teori yang akan digunakan di dalam kajian adalah Teori Psikoanalisis. Hanya hal - hal berkaitan watak dan perwatakan Seri Rama dan Siti Dewi sahaja akan dianalisis. Reka bentuk, warna dan ukiran gambalan Seri Rama dan Siti Dewi sahaja akan dikaji. Rujukan serta informasi yang dianalisis sepanjang kajian hanya berkaitan dengan objektif kajian. Selain daripada hal - hal berkaitan Wayang Kulit Melayu Tradisional Kelantan, Hikayat Maharaja Wana dan Hikayat Ramayana tidak akan diambil kira.

Selain itu, pengkaji juga mengambil info daripada Kumpulan Wayang Kulit Melayu Tradisional Kelantan Pak Dain dan seorang pengkaji tentang Wayang Kulit Melayu Tradisional Kelantan iaitu Fara Dayana Mohd Jufry. Segala info yang diterima akan dianalisis untuk kegunaan pengkaji bagi mencapai objektif kajian. Dapatan kajian akan digunakan untuk menyelesaikan permasalahan kajian. Hal - hal yang tidak berkaitan tentang kajian ketika sesi temu ramah bersama informan tidak akan dianalisis dan diambil kira. Maklumat yang diterima dan digunakan adalah mendapat kebenaran informan untuk melengkapkan kajian. Sepanjang tempoh kajian dijalankan, pengkaji hanya menyentuh isu permasalahan di dalam kajian sahaja.

1.6 Kepentingan kajian

Secara keseluruhannya, kajian yang dijalankan adalah bertujuan untuk merungkai watak dan perwatakan Seri Rama dan Siti Dewi dengan lebih mendalam. Kajian ini dilakukan menggunakan kaedah kajian kualitatif. Pemilihan kaedah untuk digunakan sepanjang mencari maklumat adalah penting untuk memudahkan pengkaji menyelesaikan permasalahan kajian serta isu - isu yang hendak dihuraikan. Selain itu, masyarakat kini kurang pendedahan dengan ilmu tentang budaya tradisional. Hal ini ilmu warisan tradisi kini mulai reput ditelan arus kemodenan. Info yang kurang sahih juga telah tersebar dengan meluas. Dengan adanya kajian seperti ini, masyarakat dapat membuat rujukan dan meneliti gambal Wayang Kulit Melayu Tradisional Kelantan dengan lebih jelas. Info - info juga adalah sahih dan benar untuk rujukan masyarakat. Kajian ini juga dihasilkan untuk mendorong serta memupuk masyarakat agar menjaga estetika dan warisan kebudayaan negara Malaysia supaya ia kekal diwarisi. Di samping itu, kajian ini penting untuk para pengkaji lain meneruskan kajian mereka untuk mengangkat warisan Wayang Kulit Melayu Tradisional Kelantan di mata dunia. Ia juga dapat membuktikan Wayang Kulit Melayu Tradisional Kelantan bukanlah sekadar hiburan semata malah ia mempunyai nilai estetika yang tinggi. Maklumat serta info yang telah dikaji dengan terperinci dapat membantu masyarakat untuk terus mengembangkan pengetahuan dan meneruskan legasi warisan ini.

1.7 Kerangka Teori

Sepanjang tempoh kajian dijalankan, pengkaji telah memilih untuk mengaplikasikan sebuah teori yang telah dipelopori oleh Sigmund Freud iaitu Teori Psikoanalisis. Tokoh Sigismund Schlomo Freud atau lebih dikenali sebagai Sigmund Freud merupakan seorang pakar neurologi Austria yang berasal daripada Moravia. Pada tahun 1881, beliau layak untuk menjadi doktor perubatan dan ia disahkan oleh Universiti Vienna. Selepas menamatkan habilitasinya pada tahun 1885, beliau telah dilantik sebagai doktor dalam neuropatologi dan menjadi profesor pada tahun 1902. Sigmund Freud berpendapat bahawa keperibadian manusia ini didasarkan pada pengalaman-pengalaman yang dialami oleh pesakitnya. Teori Psikoanalisis adalah salah satu teori yang membahas tentang hakikat dan perkembangan bentuk keperibadian yang dimiliki oleh manusia. Unsur-unsur yang diutamakan dalam teori ini adalah motivasi, emosi dan aspek-aspek internal lainnya. Menurut beliau, teori mengikut pemerhatian dan konsepnya tentang keperibadian mengalami revisi selama 50 tahun terakhir hidupnya. Meskipun teorinya berevolusi, Freud menegaskan bahawa psikoanalisis tidak boleh jatuh ke dalam elektisisme. Dasar Teori Psikoanalisis adalah menyatakan bahawa keperibadian akan berlaku ketika terjadinya konflik dari aspek psikologis itu sendiri.

Psikoanalisis merupakan dua perkataan yang digabungkan. Mengikut kamus dewan edisi keempat, psiko bermaksud orang yang menderita sakit atau tekanan jiwa. Manakala analisis membawa maksud penyelidikan atau penghuraian sesuatu untuk mengetahui pelbagai aspeknya secara lebih terperinci. Definisi psikonalisis pula adalah rawatan yang dilakukan kepada seseorang yang mengalami tekanan jiwa dengan bertanyakan pengalaman yang lalu untuk mencungkil masalah dan perasaannya yang tersembunyi yang menjadi punca penyakitnya. Psikoanalisis juga merangkumi aspek psikologi iaitu ilmu mengenai jiwa dan fikiran manusia. Secara ringkasnya, teori utama Freud menyatakan bahawa tingkah laku manusia dipengaruhi oleh ingatan, fikiran dan

desakan dalam keadaan tidak sedarkan diri. Teori ini juga menyatakankan bahawa keperibadian terdiri daripada tiga aspek iaitu id, ego, dan superego.



Rajah 1.1: Prinsip Teori Psikoanalisis

Sumber: *Brocklehurst's Textbook of Geriatric Medicine and Gerontology*

Mengikut buku *Brocklehurst's Textbook of Geriatric Medicine and Gerontology* edisi ke-lapan, Freud menyatakan bahawa pendekatan psikoanalisis terhadap perkembangan personaliti dewasa bermula dalam teori Sigmund Freud. Teorinya merangkumi tahap kesedaran, struktur personaliti, mekanisme pertahanan, dan peringkat perkembangan psikoseksual. Freud pada mulanya tertarik kepada dinamik psikologi mendalam oleh ketidakupayaan komuniti neurologi untuk menangani masalah histeria (Daniel Lapsley, 2012). Pada ketika itu, Freud sedar bahawa dalam menangani pesakit - pesakitnya, teori ini dapat diaplikasikan dan menyelesaikan masalah serta menyembuhkan mereka. Dalam melakukan

rawatan psikoanalisis, Freud dapat mengetahui pengalaman dan masa lalu pesakitnya. Menurut Sigmund Freud, personaliti manusia adalah kompleks dan mempunyai lebih daripada satu komponen. Elemen ini bekerjasama untuk mewujudkan tingkah laku manusia yang kompleks.



Rajah 1.2 : Pengelasan Id, Ego dan SuperEgo

Komponen Id didorong oleh prinsip keseronokan di mana akan berusaha untuk memuaskan semua keinginan, kehendak, dan keperluan dengan segera. Keadaan kebimbangan serta ketegangan akan berlaku jika keinginan ini tidak dipenuhi dengan segera. Ia juga berlaku dalam keadaan yang tidak sedar sebagai contoh,



apabila rasa lapar atau dahaga percubaan segera untuk makan atau minum akan dilakukan. Walau bagaimanapun, tidak semestinya ia perlu dipenuhi dengan segera. Id sentiasa mencuba menyelesaikan ketegangan yang dicipta oleh prinsip keseronokan melalui penggunaan pemikiran proses primer yang melibatkan pembentukan imej mental objek yang dikehendaki untuk memenuhi keperluan menurut Freud. Ego beroperasi pada prinsip realiti dalam alam sadar untuk memenuhi keinginan id dengan cara yang realistik dan sesuai dari segi sosial. Setiap manusia mempunyai ego yang berbeza.

Istilah ego digunakan untuk menggambarkan kesedaran tentang keperibadian akan tetapi personaliti dan ego adalah tidak sama. Ego juga sangat menitikberatkan akibat daripada sesebuah perbuatan. Istilah ego sering dikaitkan dengan tindakan yang negatif akan tetapi di dalam aspek personaliti ia memberi kesan positif. Ia merupakan sebahagian daripada keperibadian yang membuatkan manusia berpijak pada realiti dan menghalang id dan superego daripada menarik diri terlalu jauh. Freud membandingkan id dengan kuda dan ego dengan penunggang kuda. Kuda memberikan kuasa dan gerakan, manakala penunggang memberikan arah dan bimbingan. Tanpa penunggangnya, kuda itu akan merayau tak tentu arah. Penunggang perlu memberi arahan kepada kuda untuk membawanya ke tempat yang dia mahu. Ego juga melepaskan ketegangan yang dicipta oleh impuls yang tidak dipenuhi melalui pemikiran proses sekunder, di mana ego cuba mencari objek di dunia nyata yang sepadan dengan imej mental yang dicipta oleh proses utama id.

Superego cuba menyempurnakan dan mentamadunkan tingkah laku kita. Ia menindas semua desakan id yang tidak boleh diterima untuk membuat ego bertindak mengikut piawaian idealistik dan bukannya pada prinsip realistik. Superego hadir dalam sedar, prasedar, dan tidak sedar. Ia telah muncul di dalam keperibadian seseorang sejak usia lima tahun. Ia adalah sebuah agensi yang berusaha untuk menguatkuasakan usaha untuk kesempurnaan kerana ia berpegang kepada cita-cita ego standard dan matlamat moralistik. Interaksi struktur personaliti ini menjana kebimbangan yang mesti dikurangkan melalui pelbagai mekanisme pertahanan. Superego merupakan hati nurani keperibadian.





Seseorang itu terkadang tidak sedar dirinya mempunyai keinginan libidinal agresif yang tidak rasional sekali gus menjadikan seseorang itu tidak bermoral. Tetapi dengan adanya superego yang menimbulkan rasa bersalah dan berfikir tentang akibatnya, seseorang itu mampu menjadi lebih bermoral daripada yang diketahui.

Walaupun penting dalam pengembangan pemahaman kita tentang jiwa manusia, teori-teori khusus Freud menerima sedikit perhatian dalam kajian saintifik tentang personaliti hari ini. Teori-teorinya tidak mudah diterima oleh siasatan saintifik kerana ia sering membawa kepada hipotesis tidak spesifik, di mana kegagalan untuk mencari kesan yang mungkin hanya hasil daripada mekanisme pertahanan yang tidak diketahui. Selain itu, setelah mengandaikan bahawa perkembangan personaliti yang dikaitkan dengan peringkat perkembangan psikoseksualnya pada dasarnya berakhir pada masa remaja, teori Freud mempunyai kegunaan terhad kepada bidang perubatan geriatrik.

Teori ini akan digunakan untuk mencari serta merungkai segala watak perwatakan dan keperibadian yang ada pada Seri Rama dan Siti Dewi. Seperti sedia maklum, teori ini membahas tentang hakikat dan perkembangan bentuk keperibadian yang dimiliki maka ia adalah bersesuaian dengan tajuk kajian saya. Kajian yang dilakukan adalah untuk menjelaskan lagi keperibadian Seri Rama dan Siti Dewi. Setiap watak di dalam wayang kulit memiliki perwatakan yang berbeza. Melalui reka bentuk gambalan atau gambalansahaja sudah menunjukkan perbezaan yang sangat jelas.

